

**Guna Kios Daftar Masuk Sendiri Elak Beratur Panjang, Kata MAS
Bernama
6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) menggalakkan penumpang menggunakan sepenuhnya kemudahan MHkios miliknya bagi mengelak berbaris lama di kaunter masuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Bagi memastikan penumpang memperoleh layanan mesra, MAS memasang 10 unit MHkios baharu di Dewan Berlepas KLIA, di samping 36 kios guna sama sedia ada," kata syarikat penerbangan itu dalam satu kenyataan Khamis.

MHkios ialah berasaskan tablet yang menggunakan platform Windows di perkenalkan pada 15 Dis, 2013, bagi membolehkan penumpang dari Kuala Lumpur memendekkan waktu daftar masuk di lapangan terbang.

"MHkiosk yang dipasang di Balai Berlepas antara Pintu 1 dan 3 adalah antara usaha Malaysia Airlines untuk menawarkan proses daftar masuk yang selesa dan cepat.

"Ini menjamin pengalaman perkhidmatan di lapangan terbang untuk tetamu kita," kata Pengarah Perkhidmatan Pelanggan Datuk Mohd Salleh Tabrani.

Penumpang dengan tiket manual atau tiket menunggu, dan mereka yang memerlukan khidmat bantuan khas, tempahan berkumpulan lebih sembilan penumpang dan penumpang ke destinasi Amerika tidak boleh mendaftar masuk melalui MHkiosk itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=101978>